Utusan Borneo : 26 November 2026

Penganggur mencuri dari kedai dipenjara empat bulan

SIBU: Seorang penganggur dikenakan hukuman penjara empat bulan oleh Mahkamah Majistret Sibu, semalam setelah mengaku bersalah mencuri minyak wangi dari sebuah kedai di Jalan Cross pada 16 November lepas.

Majistret Romario Jonoi yang mendengar serta menerima pengakuan bersalah tertuduh, Iding Asan, 57, memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara itu berkuat kuasa dari tarikh sabit kesalahan semalam.

Iding terdahulu didakwa mencuri sebotol minyak wangi jenama Now Women dari sebuah kedai di Jalan Cross pada 16 November 2026, jam lebih kurang 5.33 petang.

Sehubungan itu, dia didakwa melakukan kesalahan yang dihukum di bawah Seksyen 380 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan juga denda, jika sabit kesalahan.



KE PENJARA: Iding dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Sibu, semalam.

Berdasarkan fakta kes, pada 16 November 2026, jam lebih kurang 10 malam, ketika hendak menutup kedai, pekerja pengadu telah menyedari dua botol minyak wang telah hilang.

Pengadu kemudian memeriksa rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dan mendapati seorang lelaki iaitu tertuduh telah mengambil dua botol minyak wangi dan memasukan ke dalam beg sebelum melarikan diri.

Pengadu kemudian membuat laporan polis dan kerugian dianggarkan sebanyak RM104.

Pada 19 November 2026, jam lebih kurang 2 pagi, pihak polis telah menahan tertuduh di tepi Jalan Khoo Peng Loong bagi membantu siasatan.

Pihak polis turut merampas topi berwarna biru serta beg hitam yang mengandungi sebotol minyak wangi jenama Now Women, tiga kotak minyak wangi jenama Kahf dan sebotol sabun jenama Antabax.

Pendakwaan kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Inspektor Ting Yew Kang, sementara tertuduh yang mempunyai empat kesalahan lampau tidak diwakili peguam bela.